

Penggunaan Internet dan Pengaruhnya Terhadap Jati Diri Pelajar : Kajian di IPTS

Azizah bt Ibrahim, Huzaimah bt Hj Ismail (Prof. Madya)

Abstrak. Mutakhir ini, perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat dan pantas menjadikan dunia berhubung tanpa sempadan dan batasan. Ledakan informasi teknologi maklumat membawa perubahan yang besar dalam kehidupan khususnya terhadap jati diri pelajar. Penggunaan internet yang semakin meluas juga mengakibatkan ada beberapa pihak dikenalpasti mengalami ketagihan yang agak membimbangkan terutama di kalangan pelajar IPT. Oleh itu, kajian berbentuk kuantitatif ini adalah untuk mengenalpasti tahap ketagihan internet, corak penggunaan internet serta pengaruhnya terhadap jati diri pelajar khususnya di IPTS. Kajian kuantitatif ini dijalankan terhadap 141 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS) atau dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah (KUIN) yang mengambil subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Dapatan mendapati min yang rendah diperoleh untuk ujian ketagihan iaitu (1.32) sekaligus menunjukkan bahawa ketagihan pelajar berada pada tahap yang rendah manakala dari segi jati diri, pelajar mempunyai jati diri yang sederhana dengan min jati diri yang diperoleh (3.20). Analisa korelasi pula menunjukkan tidak terdapat kaitan di antara ketagihan internet dan jati diri pelajar.

Pengenalan

Seiring dengan arus kepesatan teknologi, kini manusia dan internet tidak dapat dipisahkan. Dunia hari ini menyaksikan tiada limitasi dalam berkomunikasi dan bermaklumat kerana internet menyediakan pelbagai bentuk maklumat dan kegunaan pelbagai hala (Borhan & Abd Ghani, 2015). Perkembangan teknologi maklumat abad ke-21 membolehkan segala maklumat dapat diperoleh di hujung jari. Masakan tidak, dengan kemunculan fasiliti internet dan internet tanpa wayar, akses kepada internet boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja (Abidin, Mohd Yusof, & Hehsan, 2014). Maka tidak hairanlah jika ia dianggap kuasa besar lantaran kekuatannya dalam menyampaikan mesej merentasi sempadan masa dan tempat dengan kapasiti yang besar dan pantas, juga selama 24 jam tanpa batas (Adam, Ali, Mohamed Anuar, & Engku Ali, 2015)

Latar belakang

Era teknologi maklumat telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat dalam pelbagai bidang (Manaf, Din, Hamdan, Mat Salleh, Kamsin, & Abd Aziz, 2015) selain perkembangannya juga sedikit sebanyak mewujudkan jurang perbezaaan ilmu di antara golongan yang mempunyai akses mudah kepada internet dan golongan yang sebaliknya (Rahman, Hj Abu Bakar, Selvadurai, & Hussain, 2016). Dalam hal ini, pelajar boleh dikatakan termasuk dalam golongan yang mudah akses internet berdasarkan peningkatan penggunaan internet dan teknologi dalam kalangan mereka, yang menunjukkan bahawa mereka dari kalangan celik ICT (Manaf, Din, Hamdan, Mat Salleh, Kamsin, & Abd Aziz, 2015),

Hal ini terbukti berdasarkan kajian Internet Users Survey 2016 dan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia menunjukkan bahawa pada setiap tahun penggunaan internet didominasi oleh golongan berumur 20-24 tahun, manakala dari segi pendidikan, pelajar kolej dan universiti didapati paling ramai menggunakan internet. Maklumat tersebut seperti dalam jadual berikut:

Pengguna internet berdasarkan umur:			
	2014	2015	2016
Bawah 15	1.6	0.9	0.4
15-19	13.9	14.6	12.6
20-24	24.2	22.0	21.4
25-29	19.3	16.2	16.7
30-34	13.1	14.0	15.4
35-39	8.7	10.6	10.5
40-44	7.3	7.6	8.0
45-49	4.6	5.7	6.2
50-54	7.3	4.8	3.7
55-59		1.8	2.4
60-64		1.2	1.4
65 ke atas		0.6	1.2

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Pengguna internet : Status pelajar sepenuh masa	
	2016
Kolej / Universiti	67.4
Sekolah Menengah	31.6
Sekolah Rendah	0.9
Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	

Malangnya golongan ini juga tidak terlepas daripada dikaitkan dengan fenomena ketagihan internet yang mengakibatkan pelbagai kesan negatif seperti ketidakstabilan emosi, kemurungan, kelemahan pengurusan masa, dan juga kemerosotan prestasi akademik (Ambad, Kalimin, & Ku Yusof, 2017). Tidak ketinggalan juga masalah adab bersosial yang dikatakan semakin meruncing akibat persekitaran sosial yang terlalu terbuka dan di luar kawalan (Ramli, 2016).

Semua ini tidaklah mustahil memandangkan internet boleh dianggap sebagai serampang dua mata dengan gabungan unsur kebaikan dan keburukan. Ia hanya bergantung kepada pertimbangan pengguna selain keputusan munasabah berdasarkan kawalan dan efikasi diri lantaran tiada kesepakatan mengenai baik buruk, benar salah, asli palsu, berguna tidak, dan sebagainya berkaitan internet (Adam, Ali, Mohamed Anuar, & Engku Ali, 2015).

Objektif

Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti hubungan di antara corak penggunaan internet dan jati diri pelajar IPT.

Objektif khusus:

- 1. Mengenalpasti corak penggunaan internet di kalangan pelajar IPT.
- 2. Mengetahui tahap ketagihan internet pelajar IPT.
- 3. Menjelaskan pengaruh penggunaan dan ketagihan internet terhadap jati diri pelajar IPT.

Sorotan literatur

Penggunaan internet di kalangan pelajar. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa generasi Y dari kalangan pelajar merupakan pengguna tegar teknologi ICT dan mengaplikasikan media sosial untuk pelbagai keperluan samada berkaitan pembelajaran, menyiapkan tugas harian, atau urusan peribadi. Mereka juga didapati memiliki peralatan ICT samada komputer atau alat komunikasi yang lain (Manaf, Din, Hamdan, Mat Salleh, Kamsin, & Abd Aziz, 2015).

Dari segi penggunaan internet, terdapat kajian menunjukkan bahawa corak penggunaan internet adalah berbeza berdasarkan gender di mana pelajar perempuan didapati lebih kerap menggunakan internet untuk mencari maklumat berkaitan agama, kesihatan, dan keperluan diri, manakala pelajar lelaki pula lebih cenderung memanfaatkan internet untuk mendapatkan maklumat berkenaan sukan, politik, isu semasa, di samping menonton video, muat turun lagu, serta bermain permainan dalam talian (Rahman, Hj Abu Bakar, Selvadurai, & Hussain, 2016).

Kajian di politeknik pula mendapati bahawa melayari laman web untuk bersantai merupakan aktiviti yang paling digemari oleh pelajar manakala maklumat yang paling diminati mereka pula ialah hiburan (Hamat, Hussin, Mohamed Yusof, & Sapar, 2013). Maka tidak hairanlah jika kesan ketagihan internet juga dilaporkan berlaku di mana ketagihan membawa kepada kemerosotan prestasi akademik yang diakibatkan oleh ketidakstabilan emosi (Ambad, Kalimin, & Ku Yusof, 2017). Sisi negatif yang lain juga melibatkan keruntuhan akhlak pelayar laman web pornografi yang turut dikaitkan dengan penggunaan internet (Aziz, 2009). Beliau mencadangkan kaedah psikospiritual Islam sebagai kaedah menangani gejala tersebut. Romlah Ramli (2016) pula membincangkan berkenaan adab bersosial melibatkan aurat dan adab pergaulan berikutan adab bersosial yang dilihat meruncing akibat persekitaran sosial yang terlalu terbuka dan di luar kawalan dalam jaringan sosial.

Namun dari sudut sebaliknya pula, terdapat dapatan kajian lain yang bercanggah di mana didapati bahawa tiada hubungan di antara ketagihan internet dan pencapaian pelajar, malah ia sebenarnya membantu pelajar dalam mewujudkan kaedah pembelajaran yang lebih interaktif menggunakan pelbagai perisian seperti Viber, LINE dan sebagainya (Rahman & Stephen, 2016). Kajian lain oleh Hussin, Rasul, & Abd Rauf (2013) turut menyatakan bahawa penggunaan internet dan aplikasi web harus dimanfaatkan semaksima mungkin dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran memandangkan ia ternyata bukan sahaja memberi kemudahan kepada pelajar bahkan kepada guru dalam menyediakan bahan pengajaran dan sebagainya. Tidak ketinggalan internet juga boleh dimanfaatkan sebagai medium pembelajaran agama (Adam, Ali, Mohamed Anuar, & Engku Ali, 2015).

Kajian jati diri. Dari perspektif lain iaitu jati diri, kajian lepas menunjukkan bahawa pembentukannya dipengaruhi oleh persekitaran sosial termasuk media massa , selain ibu bapa, rakan sebaya, dan sekolah. Ia dikatakan bergantung kepada jenis pendedahan teknologi oleh seseorang di mana pendedahan yang sihat dan positif akan membantu perkembangan kognitif, manakala pendedahan teknologi yang berunsur sebaliknya seperti kezaliman, keganasan akan mempengaruhi pembentukan sikap negatif dan personaliti tidak baik (Stapa, Ismail, & Yusuf, 2012).

Jika ditinjau, jati diri dan generasi muda sememangnya saling berhubungan dan menjadi antara isu yang menjadi kebimbangan banyak pihak lantaran sifat anak muda yang lazim terkenal dengan sifat ingin mencuba dan mudah terikut-ikut (Othman, et al., Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi , 2012) . Kajian ini yang dijalankan terhadap pelajar IPTA mendapati bahawa hanya 54.6% resaponden mempunyai jati diri yang tinggi berdasarkan komponen penilaian yang meliputi bahasa, adat, budaya, agama, patriotisme, integriti, idealisme, dan sumbangan institusi.

Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrument mengumpul maklumat. Soal selidik mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A berkaitan maklumat demografi, Bahagian B menggunakan ujian ketagihan internet, *Internet Addiction Test* (IAT) oleh Young (1998) yang telah diterjemah ke Bahasa Melayu untuk menilai tahap ketagihan internet, manakala bahagian terakhir berkenaan corak penggunaan internet dan hubungannya dengan jati diri di mana instrumennya dibina oleh penulis berdasarkan teori pemikiran Zaaba dalam pembinaan jati diri Melayu (Isa & Salleh, 2014). Aspek pemikiran Zaaba berkenaan jati diri merangkumi aspek agama, bahasa, sikap, dan pendidikan, namun kajian ini hanya membataskan 3 domain iaitu agama, sikap, dan pendidikan.

Populasi kajian ialah pelajar Ijazah Sarjana Muda Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS) atau dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah (KUIN) yang mengambil subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Mereka dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Populasi kajian ialah seramai 151 orang, namun hanya 141 borang dikembalikan lengkap dan boleh dianalisa, jesteru sampel kajian ialah seramai 141 orang. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 34 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda pelbagai bidang. Hasil analisa ujian Alpha terhadap kajian rintis ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.846. Data diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* versi 22.0 melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatan analisis berpandukan kepada jadual skor seperti di bawah :

Jadual 1: Interpretasi Skor Min	
Skor Min	Interpretasi
1.00 - 2.66	Rendah
2.67 - 4.33	Sederhana
4.34 - 6.00	Tinggi

Bagi dapatan analisis inferensi pula, skala Mohd Majid Konting (2005) dipilih sebagai pengukur dalam menentukan kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah yang diuji.

Jadual 2 : Interpretasi Kekuatan hubungan (r)	
Saiz Pekali Korelasi	Interpretasi Hubungan
0.00 - 0.20	Sangat lemah
0.21 - 0.40	Lemah
0.41 - 0.70	Sederhana
0.71 - 0.90	Kuat
0.91 - 1.00	Sangat kuat


Sumber : Mohd Majid Konting (2005)

Dapatan kajian dan perbincangan

Jadual 3 : Maklumat latar belakang responden

Profil responden (n = 141)		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	81	57.4
	Perempuan	60	42.6
Umur	19-21	88	62.4
	22-24	47	33.3
	25-27	6	4.3
Tahun	Satu	103	73.0
	Dua	31	22.0
	Tiga	6	4.3
	Empat	1	0.7
Kuliyah	Pengajian Islam	92	65.2
	Muamalat	46	32.6
	IT Sains Teknologi	3	2.1
Sekolah dahulu	SMK	33	23.4
	SMKA	17	12.1
	SMA	69	48.9
	Teknik / Vokasional	4	2.8
	Lain2	18	12.8

Jadual 3 menunjukkan responden lelaki lebih ramai berbanding perempuan iaitu mewakili 57.4% selain majoriti responden iaitu seramai 88 orang berumur di antara 19-21 tahun (62.4%) di mana 34.8% dari kalangan mereka berumur 20 tahun. Majoriti responden juga daripada kalangan pelajar Tahun 1 (73%) dan daripada Kuliyah Pengajian Islam (65.2%) di samping majoriti juga mempunyai latar belakang pendidikan dari sekolah menengah agama (61%) iaitu dari SMA dan SMKA. Dari segi umur terdedah internet, responden terdedah seawal 5 tahun dan selewatnya 19 tahun, namun majoriti terdedah pada usia 12 tahun iaitu 20.6% seperti yang tertera dalam carta pai berikut.




Maklumat penggunaan internet responden

Dari segi akaun laman sosial pula, didapati bahawa akaun laman sosial paling popular yang dimiliki majoriti responden ialah Facebook (93.6%) dan Instagram (84.4%) diikuti Google+ (59.6%), Youtube (58.9%), Wechat (46.1%), Twitter (37.6%), lain-lain (17%), seterusnya blog (10.6%), LinkedIn (9.9%), LINETimeline (7.8%), Snapchat (7.1%), Tumblr (6.4%), dan yang terakhir Homepage (2.8%) seperti dalam jadual 3. Dapatan juga menunjukkan bahawa 22.7% responden iaitu majoriti mempunyai sekurang-kurangnya 4 akaun laman sosial, manakala 2.84% memiliki lebih dari 10 akaun seperti yang tertera dalam graf di bawah. Seperti yang diketahui, Malaysia muncul sebagai negara ketiga yang mencatatkan peratusan tertinggi untuk segmen pengguna internet dengan nilai sebanyak 67 peratus selepas Singapura dan Brunei daripada jumlah keseluruhan pengguna internet di seluruh Asia Tenggara yang berjumlah kira-kira 252.4 juta. Peningkatan penggunaan internet berlaku seiring kemunculan media sosial yang popular seperti Instagram, Twitter, Facebook, dan lain-lain sehingga tidak hairanlah jika para pelajar mempunyai lebih dari satu akaun bagi melayari aplikasi tersebut.

Jadual 4: Akaun laman sosial yang dimiliki

Profil		Kekerapan	Peratus
Akaun laman sosial dimiliki	Facebook	132	93.6
	Instagram	119	84.4
	Wechat	65	46.1
	Twitter	53	37.6
	Youtube	83	58.9
	Google+	84	59.6
	Linked In	14	9.9
	Blog	15	10.6
	Homepage	4	2.8
	Snapchat	10	7.1
	Tumblr	9	6.4
	LINETimeline	11	7.8
	Lain-lain	24	17





Dari segi penggunaan pula, didapati bahawa tujuan penggunaan paling tinggi ialah melayari laman sosial (92.9%), diikuti mendapatkan berita atau maklumat (73%), muzik, radio online (65.2%), dan aktiviti download video atau drama (61%) diikuti download audio, imej, bahan bacaan (56.7%), komunikasi teks, emel (51.1%), bermain game (47.5%), membeli belah (46.8%), permohonan dan pencarian kerja (41.1%), belajar kemahiran (36.9%), urusan kerja (34%), perniagaan online (25.5%), menonton tv (18.4%), forum browsing dan blogging masing-masing (14.2%) manakala mengemaskini

blog (9.9%) dan lain-lain urusan (7.8%) termasuk dalam kategori kurang popular di kalangan pelajar. Jesteru didapati bahawa penggunaan internet adalah lebih menjurus kepada hiburan. Responden juga lebih memilih menggunakan telefon pintar untuk melayari internet (92.2%), diikuti netbook dan laptop (52%), komputer (31.2%) dan tablet (9.2%).

Jadual 5: Penggunaan internet			
Profil		Kekerapan	Peratus
Penggunaan internet	Melayari laman sosial	131	92.9
	Komunikasi teks/emel	72	51.1
	Blogging	20	14.2
	Berita/Maklumat	103	73
	Forum browsing	20	14.2
	Muzik/Radio online	92	65.2
	Download video/drama	86	61
	Menonton tv	26	18.4
	Download audio/imej/bahan bacaan	80	56.7
	Belajar kemahiran	52	36.9
	Urusan kerja	48	34
	Membeli belah	66	46.8
	Perniagaan online	36	25.5
	Bermain game	67	47.5
	Permohonan/pencarian kerja	58	41.1
	Kemaskini blog/homepage	14	9.9
	Lain-lain	11	7.8

Dari segi purata penggunaan harian pula, majoriti responden iaitu sejumlah 39.7% memperuntukkan antara 2-5 jam untuk melayari internet manakala 12.7% hanya memperuntukkan di antara 1-2 jam masa melayari internet , namun agak membimbangkan apabila didapati sebanyak 47.5% dari kalangan responden memperuntukkan lebih dari 5 jam sehari untuk melayari internet. Manakala dari segi purata penggunaan mingguan pula didapati 55.4% responden memperuntukkan sebanyak 35 jam ke atas seminggu untuk melayari internet. 15.6% memperuntukkan 7-14 jam manakala 29.08% menggunakan antara 14-35 jam melayari internet seminggu.



Jadual 6: Ujian ketagihan internet			
	Profil	Kekerapan	Peratus
Ujian Tahap Ketagihan	Tidak ketagih	6	4.3
	Rendah	91	64.5
	Sederhana	44	31.2

Ujian ketagihan menunjukkan bahawa (64.5%) berada pada tahap yang rendah dengan skor markah antara 20-49, manakala 44 orang berada pada tahap sederhana (31.2%) dengan skor markah 50-79. Skor terendah ujian ini ialah 16 iaitu seramai 2 orang, manakala skor tertinggi iaitu 72 iaitu seorang. 4.3% dikategorikan sebagai tidak berkenaan kerana mengumpul skor bawah 20 iaitu antara 0-19. Ujian ini menggunakan *Internet Addiction Test* (IAT) oleh Young (1998) yang telah diterjemah ke Bahasa Melayu. Dari segi jantina, ujian T yang dijalankan menunjukkan tiada perbezaan signifikan dari segi ketagihan di antara pelajar lelaki dan perempuan di mana nilai F yang diperoleh ujian *Levene* ialah 1.867 dan nilai ini tidak signifikan pada $p= .174$. Ujian perbandingan min yang dijalankan juga menunjukkan bahawa skor min lelaki 0.108 manakala skor min bagi pelajar perempuan ialah 0.988. Jesteru dapat disimpulkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan tidak berbeza dari segi sikap dan ketagihan terhadap internet. Skor min yang rendah untuk ujian ketagihan iaitu 0.1043 menunjukkan pelajar baik lelaki mahupun perempuan tidak mengalami ketagihan internet.

Pengaruh penggunaan internet terhadap jati diri

Jadual 7 mendapati bahawa setiap item berkenaan pengaruh penggunaan internet terhadap jati diri berada pada tahap rendah dan sederhana. Nilai min yang paling tinggi didapati ialah item no 19 iaitu menjadikan kisah inspirasi sebagai motivasi kejayaan (min 3.96,sp 1.05), diikuti item no 14 iaitu memastikan kesahihan maklumat sebelum berkongsi (min 3.92, sp 1.15). Item ketiga tertinggi pula ialah menjaga adab pergaulan dan batasan aurat dalam berkomunikasi di alam maya (min 3.88, sp 1.17). Min terendah pula ialah item berkenaan sikap iaitu menderma walaupun sedikit apabila melihat rayuan derma di internet (min 2.06, sp 1.39) diikuti menghadkan tempoh penggunaan internet (min 2.45, sp 1.27). Min ketiga terendah pula ialah item merujuk permasalahan agama dalam internet (min 2.55, sp 1.24). Berdasarkan latar belakang responden yang majoritinya daripada Kuliyyah Pengajian Islam dan UniSHAMS yang majoriti tenaga pengajarnya dari Timur Tengah, dapat difahami bahawa kemungkinan pelajar merujuk terus sesuatu permasalahan kepada pensyarah. Namun, item berkongsi tentang agama di alam maya juga mencatat min rendah iaitu 2.62, sp 1.19 yang mana menunjukkan bahawa pelajar hanya menggunakan internet untuk pelbagai keperluan dan tujuan namun tidak ramai yang mengambil peluang memanfaatkan internet untuk tujuan penyebaran ilmu agama khususnya dakwah. Jesteru pensyarah atau tenaga pengajar boleh mengambil peluang menggalakkan pelajar memanfaatkan internet bagi tujuan penyebaran dakwah seperti mewujudkan blog atau Fb untuk berkongsi ilmu yang dipelajari pelajar, melalui kerja kursus yang bersesuaian kemudian dimuat naik ke internet dan sebagainya. Item lain pula mencatat min pada tahap sederhana seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 7 : Pengaruh penggunaan internet terhadap jati diri
Petunjuk : A= Agama, S= Sikap, P= Pendidikan

Bil.	Item	Min	SP	Int.
1A	Internet sebagai medium menambah pengetahuan agama	3.36	1.10	Sederhana
2A	Berfikir kaedah dakwah menerusi internet	2.74	1.19	Sederhana
3A	Mengikuti laman web atau blog agama	2.79	1.25	Sederhana
4A	Berkongsi tentang agama di alam maya	2.62	1.19	Rendah
5A	Merujuk permasalahan agama dalam internet	2.55	1.24	Rendah
6A	Merujuk waktu solat menggunakan internet	2.60	1.58	Rendah
7A	Berhenti online sejourus azan dan terus solat dahulu	2.77	1.18	Sederhana
8S	Jujur dalam berkomunikasi di alam maya	2.81	1.22	Sederhana
9A	Menjaga adab pergaulan dan batasan aurat	3.88	1.17	Sederhana
10S	Ikhlash menjalinkan silaturrahim	3.21	1.44	Sederhana
11S*	Tidak melayari laman web yang tidak sepatutnya	2.70	1.82	Sederhana
12S	Menghadkan tempoh penggunaan internet	2.45	1.27	Rendah
13S	Amanah dan jujur dalam transaksi jualan dan pembelian	4.10	1.28	Sederhana
14S	Memastikan kesahihan maklumat sebelum berkongsi	3.92	1.15	Sederhana
15S	Menderma walau sedikit apabila melihat rayuan derma	2.06	1.39	Rendah
16S	Bersyukur apabila melihat kisah kesusahan yang dipaparkan	3.76	1.11	Sederhana
17P	Berusaha menguasai teknologi agar tidak ketinggalan	3.77	1.12	Sederhana
18P	Memanfaatkan ilmu untuk peningkatan diri	3.76	1.18	Sederhana
19P	Menjadikan kisah inspirasi sebagai motivasi kejayaan	3.96	1.05	Sederhana
20P	Mencari kaedah meningkatkan kualiti pembelajaran	3.62	1.07	Sederhana
21P	Belajar kemahiran tertentu seperti masakan, jahitan, dan sebagainya	3.60	1.27	Sederhana
22P	Muat turun bahan rujukan untuk tujuan pembelajaran	3.46	1.32	Sederhana

* Item negatif

Jadual 8: Domain jati diri

	Profil	Min
Domain jati diri	Jati diri agama	2.9031
	Jati diri sikap	3.1241
	Jati diri pendidikan	3.6974

Jadual 9: Perbezaan min domain jati diri berdasarkan jantina

	Min	
Domain jati diri	Lelaki	Perempuan
Jati diri agama	2.9424	2.8500
Jati diri sikap	3.1096	3.1438
Jati diri pendidikan	3.6379	3.7778

Perbezaan domain jati diri pula adalah seperti dalam jadual 8 di mana domain tertinggi ialah pendidikan, diikuti sikap, dan agama. Perbezaan min berdasarkan jantina pula seperti jadual 7 yang menunjukkan bahawa min bagi skor pelajar lelaki

dalam domain jati diri agama (2.9424) lebih tinggi berbanding perempuan manakala pelajar perempuan pula didapati lebih dominan dalam jati diri sikap dan pendidikan iaitu (3.1438) bagi sikap dan (3.7778) bagi pendidikan. Walaupun demikian, ujian T yang dijalankan menunjukkan tiada perbezaan signifikan di antara jati diri pelajar lelaki dan perempuan di mana nilai F yang diperoleh ujian *Levene* ialah .082 dan nilai ini tidak signifikan pada p= .775. Ujian perbandingan min yang dijalankan juga menunjukkan bahawa skor min lelaki 3.196 manakala skor min bagi pelajar perempuan ialah 3.215. Jesteru dapat disimpulkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan sama-sama mempunyai tahap jati diri yang sederhana. Ujian korelasi Pearson yang dijalankan untuk melihat hubungan di antara ketagihan internet dan jati diri menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan di antara keduanya di mana r= .029, p=.737. Jesteru dapatlah disimpulkan bahawa jati diri pelajar tidak dipengaruhi oleh sikap dan ketagihan mereka terhadap internet.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya didapati bahawa jati diri pelajar berada pada tahap yang sederhana, dan tidak terjejas oleh arus teknologi maklumat di mana kajian mendapati mereka bijak memanfaatkan internet untuk tujuan pendidikan dan masih mengamalkan adab pergaulan dan bersikap jujur dan amanah dalam interaksi di alam maya, juga memastiakn kesahihan maklumat sebelum berkongsi. Tahap ketagihan pula hanya menunjukkan tahap rendah dan sederhana di samping terdapat pelajar yang tidak berkenaan, yang mungkin menggunakan internet dengan kadar yang sangat minimum.Biarpun didapati bahawa jati diri pelajar tidak dipengaruhi oleh corak penggunaan dan ketagihan internet, namun didapati bahawa pelajar agak lemah dalam pengurusan masa di mana masa untuk melayari internet tidak dihadkan di samping majoriti menghabiskan masa lebih dari 5 jam sehari untuk melayari internet. Aktiviti popular dalam kalangan mereka pula ialah melayari laman sosial. Jesteru adalah diharapkan agar pelajar IPT menjadi lebih bijak dalam mengisi masa terluang dengan aktiviti bermanfaat yang memberi kebaikan buat mereka pada masa hadapan, bersesuaian dengan status mereka sebagai tonggak harapan negara dan pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang. Diharapkan juga agar pihak berkenaan termasuk IPT, pensyarah dan lain-lain merancang dan menyediakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif agar internet dapat dimanfaatkan semaksima mungkin dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sesuai dengan minat pelajar menghabiskan masa melayari internet. Dengan itu mereka didorong untuk menggunakan internet dengan lebih bijak sekaligus mengelakkan mereka membuang masa. Pepatah Arab menyebut, ‘Masa adalah ibarat pedang, jika kita tidak memotongnya , maka ia akan memotong kita.’

Rujukan

Abidin, N. M., Mohd Yusof, F., & Hehsan, N. (2014). Aplikasi Iphone : Antara Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Media Sosial dan Sebaran Dakwah . *Sains Humanika* , 41-53 .

Adam, F., Ali, A. H., Mohamed Anuar, M., & Engku Ali, E. M. (2015). Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam . *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* , 12-22.

Ambad, S. N., Kalimin, K. M., & Ku Yusof, K. M. (2017). The Effect of Internet Addiction on Students’ Emotional and Academic Performance . *e-Academia Journal* , 86-98.

Aziz, N. A. (2009). Internet, Laman Web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam Dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi . *Jurnal Usuluddin* , 147-169.

Borhan, A. H., & Abd Ghani, Z. (2015). Pola pendedahan internet dan impaknya terhadap kefahaman Islam di kalangan Ahli Akademik di UKM dan USIM . *Jurnal Komunikasi* , 405-422.

Hamat, W. N., Hussin, Z., Mohamed Yusof, A. F., & Sapar, A. A. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia . *The Online Journal of Islamic Education* , 17-27.

Hussin, N., Rasul, M. S., & Abd Rauf, R. (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam . *The Online Journal of Islamic Education* , 58-73.

Isa, S. Z., & Salleh, C. I. (2014). Pemikiran Zaab Dalam Membentuk Jati Diri Melayu . *International Journal of Malay World and Civilisation* , 21-29.

Manaf, S. Z., Din, R., Hamdan, A., Mat Salleh, N., Kamsin, I. R., & Abd Aziz, J. (2015). Penggunaan komputer dan Internet Web 2.0 Dalam Kalangan Generasi Y Pelajar Universiti . *Journal of Advanced Research Design* , 10-20.

Othman, M. Y., Dakir, J., Samian, A. L., Hasim, M. S., Mohd Awal, N. A., Yahya, S. A., et al. (2012). Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi . *Jurnal Hadhari Special Edition* , 67-78.

Rahman, H., Hj Abu Bakar, N. R., Selvadurai, S., & Hussain, M. Y. (2016). Pengaruh Peranan Gender Dalam Corak Penggunaan Internet Dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* , 159-172.

Rahman, S. H., & Stephen, J. (2016). OMG (Oh My Grade)! Social Networking Sites Ruin My Academic Grades? *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* , 483-493.

Ramli, R. (2016). Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial : Peradaban Sosial dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan . *Journal of Techno Social* , 102-111.

Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* , 155-172.

<https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS2016.pdf>